



MINISTRY OF FOREIGN
AFFAIRS OF DENMARK



Mengelakkan Krisis Kebajikan Kanak-Kanak: Mengurangkan Kesan COVID-19 melalui Pengukuhan Tenaga Kerja Khidmat Sosial.

Pengenalan

Walaupun kanak-kanak kelihatan kurang terdedah kepada kesan fizikal COVID-19, wabak ini meningkatkan pendedahan kanak-kanak kepada penderaan, pengabaian dan eksploitasi. Seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations),

“Apa yang bermula sebagai risiko krisis kesihatan berkembang menjadi krisis hak kanak-kanak yang lebih luas.”



Seorang pekerja sosial dari Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat laporan penderaan kanak-kanak kepada seorang pegawai di balai polis.

Khidmat kebajikan sosial adalah kritikal dalam memastikan kanak-kanak selamat dan mengurangkan akibat jangka panjang sosial pandemik terhadap kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, penyedia perkhidmatan sosial telah menghadapi cabaran besar dalam menyalurkan perkhidmatan disebabkan oleh penjarakan sosial dan langkah penutupan, sekatan pergerakan dan strategi penyekatan pandemik yang lain. Walaupun terdapat pelaburan dalam sistem perlindungan kanak-kanak untuk menangani cabaran kebajikan yang kompleks, penyelidikan menunjukkan bahawa perkhidmatan sosial adalah tidak seragam di Malaysia dan tidak mencapai sesetengah komuniti secukupnya.¹

Definisi:²

Tenaga kerja khidmat sosial untuk perlindungan kanak-kanak merujuk kepada pekerja sosial, pengamal kebajikan sosial dan profesional dari sektor berkaitan, sama ada dibayar dan tidak dibayar dalam sektor kerajaan dan bukan kerajaan, yang menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat untuk perkembangan kanak-kanak. Fokus utama tenaga kerja ini adalah pada penjagaan, langkah promosi dan pencegahan, perkhidmatan sokongan dan respons pemulihan, advokasi, penyelidikan dan

pembinaan kapasiti dalam usaha untuk melindungi kanak-kanak daripada bahaya dan mempromosikan penjagaan berasaskan keluarga di Malaysia.

Istilah ‘tenaga kerja khidmat sosial’ seperti yang digunakan dalam ringkasan ini merangkumi pelbagai sektor yang memberikan am khidmat sosial. Ini termasuk perlindungan khusus kanak-kanak dan perkhidmatan percubaan serta perkhidmatan yang disediakan oleh lain-lain sektor termasuk kesihatan, pendidikan, dsb.

Pekerja sosial ialah golongan profesional dengan kelayakan akademik yang melayakkan mereka mengamalkan profesion mereka.

Dengan ketiadaan pengawalan rasmi profesion ini, tenaga kerja khidmat sosial lain biasanya dirujuk sebagai ‘pekerja sosial’; walau bagaimanapun, adalah penting untuk memelihara gelaran profesional ini untuk pekerja sosial yang berkelayakan.

Di Malaysia, pekerja sosial berkhidmat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di peringkat kebangsaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Akta Kanak-Kanak menetapkan peranan pelindung kanak-kanak dan pegawai percubaan, ditakrifkan sebagai ‘pegawai kebajikan masyarakat’. Pekerja sosial juga ditempatkan di hospital, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Perpaduan Kebangsaan dan di badan bukan kerajaan.

Kebajikan dan Perlindungan Kanak-kanak Pra-Covid-19

Penyelidikan dan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak di Malaysia telah pun terdedah kepada bahaya sebelum krisis COVID-19³ seperti keganasan, penderaan, pengabaian dan eksploitasi di rumah, di sekolah, dalam komuniti dan institusi (pusat jagaan dan tahanan) dan melalui pemerdagangan, buruh paksa, perkahwinan kanak-kanak dan eksploitasi seksual komersial.⁴

Kesan COVID-19 terhadap kebajikan dan perlindungan kanak-kanak

COVID-19 meningkatkan pendedahan kanak-kanak di Malaysia kepada kecederaan fizikal dan emosi melalui beberapa cara berikut:

- Kemungkinan peningkatan risiko perkahwinan kanak-kanak, kehamilan remaja, buruh kanak-kanak dan eksploitasi serta pengambilan ke dalam kumpulan jenayah
- Cabaran ekonomi dan tekanan juga meningkatkan risiko penjaga menjadi ganas atau kasar, terutamanya jika melibatkan penyalahgunaan bahan, masalah kesihatan mental atau sejarah keganasan domestik.
- Semasa sekatan pergerakan kerana penutupan sekolah, kanak-kanak kurang kelihatan dan tidak mungkin berhubung dengan orang dewasa yang melindungi seperti guru, profesional perubatan dan penyedia perkhidmatan kebajikan kanak-kanak dan keluarga.

- Peningkatan masa dalam talian juga boleh mengakibatkan pendedahan kepada buli dalam talian, penderaan atau antun seksual, peningkatan tingkah laku mengambil risiko, pendedahan kepada bahan lucah dan kandungan yang tidak sesuai serta pelanggaran privasi.

Tepat pada waktu kanak-kanak menghadapi risiko penderaan, pengabaian dan eksploitasi yang lebih tinggi, penyedia khidmat sosial kurang berupaya mencapai dan menyampaikan perkhidmatan perlindungan kepada kanak-kanak dan keluarga mereka.

Tenaga Kerja Khidmat Sosial semasa Krisis COVID-19: Impak & Pengajaran yang dipelajari di Malaysia

Sebelum krisis COVID-19, tenaga kerja khidmat sosial di Malaysia telah pun menghadapi cabaran, termasuk kekangan geografi untuk penghantaran perkhidmatan penting dan had kapasiti serta sumber manusia yang ketara.⁵

Penyelarasan terhad antara masyarakat sivil dan agensi kerajaan dan kekurangan persempadanan yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab juga telah menghalang penyampaian perkhidmatan yang cekap. Terdapat keperluan yang diiktiraf untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja khidmat sosial dan memastikan kakitangan dilatih secukupnya bagi memenuhi pelbagai keperluan untuk semua populasi yang terdedah.⁶

Semasa krisis COVID-19, keupayaan tenaga kerja khidmat sosial untuk memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga telah terjejas. Sebagai contoh, semasa PKP dan dalam beberapa tempoh penutupan berturut-turut⁷, kerajaan tidak dapat memberikan bantuan khusus untuk perlindungan kanak-kanak kerana penugasan semula kepada perkhidmatan bantuan makanan dan penggantungan perkhidmatan. Talian bantuan 24 jam KPWK, Talian Kasih mencatatkan peningkatan panggilan yang amat tinggi dalam tempoh ini⁸, menimbulkan kebimbangan tentang kecukupan kakitangan untuk bertindak terhadap isu keganasan domestik dan perlindungan kanak-kanak, dan aksesibiliti talian bantuan. Kanak-kanak yang terkesan akibat migrasi, yang sudah menghadapi halangan dalam mengakses perkhidmatan, telah tercicir terutamanya terkesan oleh penutupan perkhidmatan, termasuk yang disediakan oleh organisasi masyarakat sivil.

Cabaran yang sedia ada dalam penyelarasan antara kerajaan dan penyedia perkhidmatan badan bukan kerajaan terserlah semasa krisis. Disebabkan kekurangan kakitangan dan latihan profesional yang tidak mencukupi, tenaga kerja tidak dilengkapi dengan secukupnya untuk menghadapi permintaan tambahan ke atas mereka semasa krisis COVID-19.

Peluang untuk memanfaatkan pengajaran daripada COVID-19

Cadangan kami adalah seperti berikut:

1) Perkukuhkan kapasiti Tenaga Kerja Khidmat Sosial:

- Meluluskan segera Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial yang masih tertangguh kerana ia adalah alat utama untuk mengiktiraf dan mengawal selia profesion kerja sosial, membina mekanisme untuk penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, serta memastikan profesionalisme dan amalan etika pekerja sosial.
- Menaik taraf Bahagian Kanak-kanak di bawah JKM kepada sebuah jabatan dengan menambah bilangan pelindung kanak-kanak yang terlatih, khusus dan disesuaikan untuk memenuhi keperluan spektrum kanak-kanak yang terdedah di Malaysia.
- Membangunkan strategi untuk mengutamakan perlindungan kanak-kanak sebagai perkhidmatan penting dan meminimumkan gangguan penyampaian perkhidmatan dalam krisis di masa depan.

2) Memastikan tindak balas dan perkhidmatan pelbagai sektor untuk menangani keperluan kanak-kanak dan penjaga secara holistik.

- Mewujudkan dan perkukuhkan talian bantuan dan sistem rujukan khusus kanak-kanak mengikut piawai antarabangsa.⁹

- Memastikan peruntukan sumber kewangan dan material yang mencukupi untuk perkhidmatan kebajikan sosial.
- Mengenal pasti dan menyokong keperluan kanak-kanak yang terkesan akibat migrasi dalam migrasi dalam penyediaan perkhidmatan kebajikan sosial negara serta tindak balas dan rujukan kepada kesihatan dan perkhidmatan penting yang lain.

3) Menggalakkan perancangan strategik dan penyelarasan antara Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil untuk penyampaian perkhidmatan yang berkesan bagi melindungi kanak-kanak daripada kesan negatif COVID-19 dan sebarang kecemasan di masa depan.

- Mengukuhkan kerjasama dengan Penolong Pelindung Kanak-Kanak (kini daripada organisasi masyarakat sivil), dan mengoptimalkan pengambilan mereka melalui pembinaan keupayaan institusional, untuk mengukuhkan penyediaan perkhidmatan kebajikan sosial.
- Menggariskan dan meningkatkan mandat organisasi masyarakat sivil di dalam sistem kebajikan dan perlindungan kanak-kanak, untuk mereka menjadi rakan kongsi rasmi dengan kerajaan, dan untuk meningkatkan kesiapan dan kapasiti dalam sebarang kecemasan.

4) Mengukuhkan dan menghubungkan tindak balas perlindungan sosial kepada keutamaan perlindungan kanak-kanak.

Pandemik ini menekankan kepentingan kritikal dalam mengukuhkan sistem perlindungan sosial Malaysia melalui pengembangan bantuan kanak-kanak dan keluarga dan meningkatkan akses kepada insurans pengangguran kepada populasi yang lebih luas.

Ringkasan dasar ini diadaptasi daripada ringkasan UNICEF 2020 'Mengelakkan Krisis Kebajikan Kanak-Kanak'¹⁰ yang ditulis oleh UNICEF Malaysia dan Child Frontiers.

© UNICEF Malaysia 2022. Hak cipta terpelihara.

Ringkasan dasar ini dihasilkan dengan sokongan kewangan Kesatuan Eropah di bawah projek "Melindungi Kanak-kanak yang terkesan akibat migrasi di Asia Tenggara, Selatan dan Tengah," serta Kementerian Luar Negara Denmark, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan badan-badan berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, lihat juga UNICEF, *Memahami Kesan COVID-19 terhadap Kanak-kanak & Keluarga Yang Terdedah di Malaysia*, 2020.¹¹

Nota hujung

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan UNICEF Malaysia, *Sistem Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia*, 2013, ms 56-71.
2. Diadaptasi daripada *Garis Panduan UNICEF untuk Memperkukuh Tenaga Kerja Khidmat Sosial bagi Perlindungan Kanak-Kanak*, UNICEF Asia Timur, Pejabat Serantau Pasifik dan Pakatan Tenaga Kerja Khidmat Sosial Global, dan *Tenaga Kerja Khidmat Sosial di Rantau Asia Timur dan Pasifik: Ulasan Berbilang Negara*, UNICEF, Bangkok, 2019.
3. UNICEF dan ASEAN, *Menamatkan Keganasan terhadap Kanak-kanak di Negara anggota ASEAN, 2016*; UNICEF Malaysia, *Analisis Situasi Wanita dan Kanak-kanak*, September 2020.
4. Jabatan Negara AS, *Laporan Pemerdagangan Manusia 2019, Malaysia; Laporan daripada Pelapor Khas mengenai penjualan dan eksploitasi seksual kanak-kanak, termasuk pelacuran kanak-kanak, pornografi kanak-kanak dan bahan penderaan seksual kanak-kanak yang lain, Lawatan ke Malaysia*, 2019, para. 23
5. Pejabat UNICEF Serantau Asia Timur dan Pasifik dan Pakatan Global Tenaga Kerja Khidmat Sosial, *ibid* (nota 2).
6. *Ibid*.
7. PKP telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 dan berakhir pada 4 Mei, apabila PKP Bersyarat bermula. Ini diikuti dengan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) antara 10 Jun dan 31 Ogos 2020.
8. *New Straits Times*, "Semua panggilan kepada Talian Kasih diambil serius, kata kementerian," 4 April 2020. Ucapan Menteri KPWK semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian ruj. 2/2020 dan pelancaran Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA), 25 Jun 2020.
9. Maestral, UNICEF Malaysia, MASW, *Melindungi kanak-kanak semasa COVID-19 Petua untuk pekerja sosial dan pengamal kebajikan sosial*, Jun, 2020. Pakatan untuk Perlindungan Kanak-kanak di dalam Tindakan Kemanusiaan-Child Helpline International, CP AOR, UNICEF. *Nota Teknikal: Talian Bantuan Kanak-kanak dan Perlindungan Kanak-kanak semasa Pandemik Covid-19*, Mei 2020.
10. UNICEF Malaysia, *Mengelakkan Krisis Kebajikan Kanak-Kanak: Mengurangkan Kesan COVID-19 melalui Pengukuhan Tenaga Kerja Khidmat Sosial*, Disember 2020.
11. UNICEF dan rakan kerjasama, *Memahami Kesan COVID-19 terhadap Kanak-kanak & Keluarga Yang Terdedah di Malaysia: Pekerja khidmat sosial berkongsi pengalaman, perspektif dan cadangan mereka*, November 2020.